



19 NOV, 2022

## HP Miri meterai kerjasama dengan MTECH, Beyond Horizon Ventures

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

### ILP Miri meterai kerjasama dengan MTECH, Beyond Horizon Ventures

**MIRI:** Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri telah mengadakan majlis menandatangani kerjasama pintar bersama Miri Technical College (MTECH) dan Beyond Horizon Ventures Sdn Bhd, baru-baru ini.

ILP Miri telah diwakili Pengarahnya Mustal Makmud dan Timbalan Pengarah (Latihan) Vivian Dana Kunsu.

Manakala MTECH diwakili Pengurus Pusat Bertauliah Inna Engelsulit Jerman dan Pegawai Penilai Enstein Tuggang Unting, sementara Beyond Horizon Ventures Sdn Bhd diwakili Pengarah Bersama Syarikat Mohamad Fadzly Mohamad Khalil dan Amirul Firdaus Jalaludin.

ILP Miri dalam satu kenyataan media memberitahu, kerjasama pintar berkenaan susulan inisiatif ILP menubuhkan Pusat Dron.

Pusat Dron berfungsi sebagai pusat latihan dengan matlamat memperkenalkan



**UNTUK ALBUM:** Mustal (tiga kiri) bersama yang lain menunjukkan dokumen kerjasama pintar yang telah ditandatangani baru-baru ini.

teknologi dron, menyediakan latihan dan perkhidmatan dron, memupuk minat dalam bidang dron serta menjalinkan kerjasama dengan industri dan pusat latihan dron.

Ia turut selaras dengan

hasrat kerajaan menuju ke arah Revolusi Industri 4.0.

ILP Miri merupakan sebuah institusi kerajaan di bawah Jabatan Tenaga Manusia yang berfungsi untuk menyediakan dan menjalankan program latihan

kemahiran pra-pekerjaan bagi memenuhi keperluan sektor perindustri di Malaysia serta meningkatkan taraf kemahiran pekerja dan pelatih untuk sektor perindustrian melalui pelbagai program latihan kemahiran.



19 NOV, 2022

## HP Miri meterai kerjasama dengan MTECH, Beyond Horizon Ventures

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

MIRI: Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri telah mengadakan majlis menandatangani kerjasama pintar bersama Miri Technical College (MTECH) dan Beyond Horizon Ventures Sdn Bhd, baru-baru ini. ILP Miri telah diwakili Pengarahnya Mustal Makmud dan Timbalan Pengarah (Latihan) Vivian Dana Kunsu. Manakala MTECH diwakili Pengurus Pusat Bertauliah Inna Engsulit Jerman dan Pegawai Penilai Enstein Tuggang Unting, sementara Beyond Horizon Ventures Sdn Bhd diwakili Pengarah Bersama Syarikat Mohamad Fadzly Mohamad Khalil dan Amirul Firdaus Jalaludin.